

Semai keghairahan menuntut ilmu

Dari muka 6

Selain itu, keputusan daripada penilaian prestasi universiti-universiti ini boleh dijadikan kayu pengukur yang akan menentukan jumlah pembiayaan kerajaan yang akan diberikan kepada universiti-universiti ini, yang boleh dilihat sebagai insentif tambahan kepada peningkatan kualiti.

Kita juga perlu mewujudkan satu jalinan kerjasama antara dunia akademik dan industri agar graduan-graduan yang dilahirkan cukup terlatih dan bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan dan penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan juga selari dengan keperluan pasaran semasa.

Institusi pengajian tinggi mesti mengambil inisiatif untuk mengemaskinikan kursus-kursus mereka serta meningkatkan jumlah penempatan para pelajar bagi latihan industri dengan mengadakan dialog bersama pihak-pihak yang berkenaan. Satu mekanisme juga perlu diwujudkan untuk memastikan bahawa penglibatan atau pelaburan sektor swasta dalam kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan di universiti-universiti dapat ditingkatkan

melalui kewujudan pusat-pusat penyelidikan yang ditaja oleh syarikat-syarikat tertentu.

Institusi-institusi pengajian tinggi juga perlu mewujudkan satu sistem sokongan yang akan dapat membantu memasarkan para graduan mereka. Panduan kerjaya dan kerjasama dengan pihak industri masih lagi di tahap minimum di Malaysia ini. Ini tidak sepatutnya terjadi kerana tanggungjawab universiti terhadap para pelajar mereka tidak berakhir apabila mereka telah menerima segulung ijazah.

Universiti juga perlu menumpang megah dan prihatin terhadap prestasi graduan mereka setelah tamat pengajian. Sehubungan dengan itu, hubungan rapat dengan pihak industri dan alumni adalah sangat penting.

Hakikatnya, pendidikan formal tidak berakhir apabila kita tamat persekolahan atau pengajian tinggi. Ilmu-ilmu baru dalam pelbagai bidang lahir secara berterusan. Untuk itu, rakyat Malaysia seharusnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka, baik secara formal ataupun di tempat kerja. Budaya pembelajaran sepanjang hayat dan keghairahan untuk menuntut ilmu perlu kita semaikan.

Pastinya, pembelajaran rasmi tidak akan berhenti apabila kita tamat sekolah atau pendidikan tinggi. Ilmu baru sentiasa dihasilkan. Rakyat Malaysia hendaklah terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, di institusi rasmi dan juga di tempat bekerja. Budaya pembelajaran sepanjang hayat dan minat yang mendalam kepada ilmu hendaklah disemai.

Kita akui akan perlunya untuk meningkatkan sistem pendidikan kita, dan kita juga setuju akan hala tuju yang perlu diambil pada masa sama, saya rasa kita juga sedar betapa besar dan rumit usaha ini. Semua orang mempunyai pandangan masing-masing dalam bidang pendidikan; tetapi adalah penting untuk melihat perspektif yang lebih luas untuk bergerak ke hadapan.

Kita tidak boleh membenarkan segelintir perbezaan untuk melembapkan pelaksanaannya. Apa pun, saya amat serius dalam meningkatkan kualiti bagi sistem pendidikan kita.

Untuk itu, dan sebagai langkah pertama, saya telah mengasingkan portfolio pendidikan kepada dua kementerian, iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Jurang bagi kualiti dan

perpaduan nasional adalah isu yang perlu ditangani dengan segera dan kerana itu, saya mahu kedua-dua menteri ini mencurahkan segala-galanya dan memberi penumpuan kepada fokus yang lebih kecil tetapi sama pentingnya.

Pastinya, kedua-dua kementerian berkenaan hendaklah memahami objektif masing-masing dan mempunyai jalinan kerjasama yang erat bagi memastikan kukuhannya.

Salah satu perkara pertama yang saya minta rakyat Malaysia sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri adalah bagi anda untuk bekerja bersama saya. Kerajaan sahaja tidak dapat meningkatkan sistem pendidikan kita. Jangan sesekali merasakan bahawa sistem pendidikan hanya terletak di dalam pekarangan sekolah atau birokrasi Kementerian Pelajaran.

Sistem pendidikan kita turut merangkumi peranan ibu bapa, sokongan masyarakat setempat, sinergi daripada kesediaan sektor swasta, kesedaran yang perlu diwujudkan daripada kesediaan pihak media dan sebanyak mana sumbangan daripada rakyat Malaysia yang sudah berjaya terhadap sekolah-sekolah dan universiti-universiti.

Saya mahu kedua-dua Menteri Pelaja-

ran dan Pengajian Tinggi untuk memulakan proses penyuburan semula dengan mengetuai dan menjadi penyelaras bagi usaha negara untuk mengukuhkan sistem pendidikan kita. Berikan rakyat Malaysia satu perasaan memiliki sekolah-sekolah dan universiti-universiti mereka.

Jadikan mereka sebagai golongan yang mengambil berat terhadap sekolah masing-masing dan tidak hanya beralih kepada kerajaan untuk bantuan. Jadikan pendidikan sebagai sesuatu yang diutamakan oleh badan kerajaan dan setiap individu. Jadikan setiap rakyat Malaysia sebagai peserta kepada proses ini.

Saya serahkan kepada Datuk Hishammuddin dan Datuk Shafie bagaimana mereka mahu melaksanakan usaha ini. Apa yang penting adalah kita bekerjasama ke arah harapan yang sama, aspirasi yang sama, dan wawasan yang sama bagi masa depan generasi muda dan negara.

Dengan menjadikan sekolah kebangsaan sekolah pilihan, dengan menjadikan universiti tempatan sebagai institusi beraraf dunia, saya percaya kita akan mencapai impian Malaysia yang berdaya saing dan berpadu. Saya harap kita semua dapat bekerjasama bagi menggerakkan usaha murni ini.